

11/07/2000

Syarikat Malaysia dipelawa labur hidro elektrik di Sudan

Kadir Dikoh in Khartoum, Sudan

KERAJAAN Sudan mempelawa syarikat Malaysia untuk membangunkan projek hidro elektriknya dari Sungai Nil yang dianggarkan menelan belanja kira-kira AS\$1 bilion (RM3.8 bilion).

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Perlombongan Sudan, Hassan Mohamed Ali, berkata pihaknya berhasrat membangunkan projek hidro dengan keupayaan 1,200 megawatt secara usaha sama dengan Perbadanan Elektrik Negara Sudan.

Katanya, tawaran itu sudah dikemukakan kepada kerajaan Malaysia setahun lalu dan sekali lagi apabila pemimpin Sudan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur Februari lalu.

"Kami turut mempelawa syarikat swasta Malaysia untuk turut terbabit dalam projek prasarana. Dr Mahathir sangat berharap supaya kami membangunkan sektor pengangkutan air, ternakan dan elektrik kerana Perdana Menteri melihat potensi sektor ini di negara kami begitu tinggi sekali.

"Saya berharap syarikat swasta dari Malaysia menyahut pelawaan ini," katanya kepada wartawan Malaysia pada majlis jamuan makan malam yang dianjurkannya untuk rombongan media dan kakitangan Petronas di Sudan, di Khartoum malam kelmarin.

Sektor tenaga kini menjadi tulang belakang ekonomi Sudan yang membabitkan banyak pembangunan untuk menampung pembangunan prasarana yang meliputi pergerakan penduduk dan keluarannya.

Hassan berkata, pihaknya juga berbincang mengenai pelawaan untuk membangunkan projek hidro itu ketika menemui Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie di Kuala Lumpur sebelum ini.

Setakat ini, Petronas adalah pelabur kedua terbesar di Sudan selepas China. Syarikat Petroleum Nasional Bhd itu kini mengusaha tiga blok iaitu blok 1, 2 dan 4 di selatan Sudan dengan kepentingan 30 peratus melalui konsortium Greater Nile Petroleum Operating Co Ltd (GNPOC) yang sudah mula mengeluarkan minyak mentah sejak Ogos tahun lalu.

Sudan, yang terletak bersempadan sembilan negara di timur laut Afrika kaya dengan hasil pertanian, ternakan dan perlombongan.

Eksport Malaysia ke Sudan ialah barangan elektronik dan elektrik, minyak sawit, alat ganti, produk farmasi, baja dan perabot manakala import utamanya ialah biji-bijian, kapas, kacang tanah dan gula.

Hassan berkata, Sudan amat menghargai Malaysia kerana Petronas membuat pelaburan di negara itu yang dianggarnya mampu membantu menggerakkan ekonomi Sudan.

"Petronas sudah banyak membantu Sudan termasuk peranannya dalam pembinaan bangunan makmal petroleum sebagai pusat latihan bagi industri minyak. Petronas tidak berhenti di situ, malah banyak memberi sumbangan kepada masyarakat tempatan kami.

"Ini termasuk pemberian biasiswa kepada pelajar kami untuk belajar di Malaysia. Semua ini adalah tanggungjawab sosial Petronas yang amat dihargai," katanya.

(END)